



SEBAHAGIAN daripada mahasiswa Sains Sukan UMS yang menjadi sukarelawan pada Kejohanan Merentas Desa Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) Ke-13 di UMS Sabtu lalu.

Sukarelawan UMS membantu

UB 26.3.2014 A14

KOTA KINABALU: Sukarelawan dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) turut membantu kejayaan penganjuran Kejohanan Merentas Desa Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) Ke-13 di UMS Sabtu lalu.

Pengurus Pusat Informasi Teknikal (TIC) kejohanan Ahmad Wahide berkata, 32 mahasiswa dari Program Sains Sukan Sekolah Pendidikan Dan Pembangunan Sosial (SPPS) telah bertugas sebagai pegawai teknikal sukarelawan pada kejohanan bertemakan Cabaran Eco-Kampus UMS-MSSM itu.

“Setakat ini pihak atasan dan bahagian pengurusan teknikal amat berpuas hati dengan kerjasama yang diberikan oleh para mahasiswa daripada sains sukan sepanjang kejohanan

berlangsung,” katanya.

Pensyarah Sains Sukan UMS Dr Mohamad Nizam Nazarudin pula berkata, ia adalah penghormatan dan pengiktirafan ke atas kewibawaan pelajar terbabit diberi kepercayaan menjadi pegawai teknikal pada kejohanan julung kali diadakan di sini itu.

Beliau turut mengalau-alu penggunaan sukarelawan untuk mana-mana penganjuran aktiviti.

“Kesukarelawan bukanlah satu fenomena baharu dalam masyarakat kerana ia telah menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat sejak zaman berzaman.

“Sukarelawan sangat penting kerana mereka menyumbangkan kepakaran, kemahiran, pengetahuan dan

tenaga...sukarelawan adalah individu yang membantu orang lain secara sukarela tanpa menerima sebarang gaji maupun imbuhan,” katanya.

Sambil itu, dua daripada sukarelawan Patcey Dedysherley Adin dan Nurul Izzany Ismail berkata, penglibatan mereka pada kejohanan itu turut membantu mempromosikan program Sains Sukan UMS.

Kejohanan sehari mempertandingkan kategori 15 dan 18 tahun lelaki dan wanita itu disertai 512 peserta dari 16 pasukan negeri dan Wilayah Persekutuan.

Selangor muncul juara keseluruhan manakala naib johan adalah Perak dan ketiga Negeri Sembilan. Sabah sekadar menduduki tempat keempat.